



PEJABAT KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA  
*Office of the Director General of Education Malaysia*  
PARAS 7 BLOK J PUSAT BANDAR DAMANSARA  
*Level 7 Block J Damansara Town Centre*  
50604 KUALA LUMPUR

Tel: 03-2586900  
Fax: 03-2535150

KP (BS) 8591/Jld. XIV/(16)  
6 Ogos 1998

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

***SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 16/1998:***  
**Menangani Kegiatan Gengster Di Sekolah**

Penglibatan pelajar dalam kegiatan gengster sejak akhir-akhir ini sering mendapat liputan di akhbar-akhbar. Pendedahan yang dibuat oleh akhbar menimbulkan kebimbangan di kalangan banyak pihak terutamanya ibu bapa. Laporan akhbar mengenai pelajar yang terlibat dalam kegiatan gengster diperkukuhkan lagi dengan dapatan Kementerian Pendidikan, hasil daripada pertemuan dengan Guru Besar, Pengetua, Pegawai Pejabat Pendidikan Daerah dan Pegawai Jabatan Pendidikan Negeri.

2. Kementerian Pendidikan telah dimaklumkan bahawa kegiatan gengster sememangnya terdapat di sekolah-sekolah walaupun ada di antara sekolah yang terlibat tidak mahu mengakuinya. Terdapat sekolah yang tidak melaporkan insiden-insiden kegiatan gengster kerana tidak mahu nama sekolahnya terjejas. Pelajar-pelajar yang menyertai kegiatan gengster didapati mengganggu ketenteraman sekolah dan pelajar-pelajar lain dengan cara mengancam, mengugut atau memeras wang. Fenomena seumpama ini menggambarkan seolah-olah pihak sekolah tidak memainkan peranan yang sewajarnya dalam membendung kegiatan gengster dari menular ke sekolah,

3. Sebelum masalah ini menjadi lebih serius, tindakan pemulihan perlu dilakukan ke atas pelajar yang telah disahkan terlibat. Tindakan pencegahan juga hendaklah diambil supaya masalah kegiatan gengster di sekolah dapat dibanteras. Antara tindakan tegas yang disarankan adalah seperti berikut:

3.1 Pemulihan

3.1.1 Profil pelajar yang terlibat hendaklah dikumpul.

3.1.2 Bagi pelajar yang terlibat, hendaklah diketahui sejauh mana penglibatannya.

3.1.3 Ibu bapa atau penjaga pelajar yang terlibat hendaklah dimaklumkan untuk mendapat kerjasama dalam menangani masalah ini.

3.1.4 Pelajar yang terlibat hendaklah dirujuk kepada kaunselor sepenuh masa untuk proses kaunseling.

3.1.5 Jika diketahui bahawa keterlibatan pelajar adalah disebabkan oleh masalah keretakan rumah tangga kedua ibu bapanya maka kesnya perlu dirujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

3.1.6 Program-program khas seperti ceramah, pameran, kursus motivasi dan kepimpinan diadakan dan semasa ke semasa, khususnya untuk pelajar yang terlibat.

### 3.2 Pencegahan

3.2.1 Mengingatkan pelajar dalam perhimpunan sekolah mengenai keburukan kegiatan gengster dan kesan melibatkan diri dalam kegiatan tersebut.

3.2.2 Menegaskan kepentingan dan keperluan menjalani cara hidup yang positif melalui pengajaran mata pelajaran moral dan agama.

3.2.3 Menerapkan nilai-nilai murni semasa menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam dan di luar bilik darjah.

3.2.4 Mengadakan ceramah-ceramah khas mengenai keburukan kegiatan gengster dengan melibatkan pihak Polis dan Penjara.

3.2.5 Menganjurkan kempen "Basmi Kegiatan Gengster" di sekolah.

4. Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah diminta memaklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada semua sekolah di negeri Y. Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**DATO' DR. ABDUL SHUKOR ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. Y.B. Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak  
Menteri Pendidikan Malaysia
  2. Y.B. Dato' Haji Mohd. Khalid Yunus  
Timbalan Menteri Pendidikan
  3. Y.B. Datuk Dr. Fong Chan Onn  
Timbalan Menteri Pendidikan
  4. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
  5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
  6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
  7. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pendidikan
  8. Ketua Nazir Sekolah
  9. Pegawai Perhubungan Awam